



Buletin SPANS (Julai - Sept. 2018)

Visi: Menjadi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Bertaraf Dunia Menjelang 2030
Strategy Oriented, Productivity, Accountability, Neutrality, Speed
KELUARAN TERHAD : Bil.3/2018- Bahagian Polisi , Kualiti dan Perhubungan
PSC SC (IP4M2)

KANDUNGAN

1. Berita Semasa
2. KKSPA 1996
3. Aktiviti SPANS
4. Sumbangan Artikel oleh Ahli Suruhanjaya
5. Aktiviti Kelab
6. Motivasi Diri
7. Lensa

BERITA SEMASA

Majlis Angkat Sumpah

Tempoh perkhidmatan YBhg. Datu Abdul Ghafur Shariff dan Dr Peter Anak Songan telah disambung untuk tempoh setahun berkuatkuasa 1 Ogos 2018. Majlis tersebut telah dilakukan di hadapan Yang Arif Datuk Yew Jen Kie



KKSPA 1996

Pengiklanan tentang kekosongan

- 5(2) Apa-apa jawatan kosong yang hendak diisi oleh pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat sahaja hendaklah diiklankan melalui surat-surat pekeliling kepada semua jabatan atau di mana sesuai kepada jabatan-jabatan yang relevan sahaja.

AKTIVITI SPANS

Bil		Tarikh
1	Mesyuarat SPANS Siri 6/2018	4.7.18
2	Majlis Gawai Raya SPANS 2018	4.7.18
3	Perbincangan Bersama JPA Malaysia, Putra Jaya	6.7.18
4	Temuduga Pengambilan Sri Aman/Sibu/Miri/Limbang (H11/H19/KP11/KP19)	10-13.7.18
5	Bengkel Scorecard SPANS 2018– Hotel Waterfront	12-13.7.18
6	Temuduga Kenaikan Pangkat	17-19.7.18
7	In House Training Session - Pencil	19.7.18
8	Mesyuarat GMAC Siri 2/2018 - Johor	24 – 27.7.18
9	Mesyuarat SPANS Siri 7/ 2018	31.7.18
10	Temuduga Pengambilan	1-14.8.18
11	Majlis Angkat Sumpah YBhg Datu Abdul Ghafur Shariff dan Dr Peter anak Songan	1.8.18
12	Mesyuarat Bersama SPA, Malaysia – Cawangan Sarawak	2.8.18
13	Majlis Bacaan Yasin	3.8.18
14	Mesyuarat Senarai Tapis Bil. 1/ 2018	3.8.18
15	In House Training Session – Cuti	3.8.18
16	Lawatan Pengurusan Giat Mara Kuching	7.8.18
17	Perbincangan Berkaitan KFA 2018 di SHRU	7.9.18
18	Lawatan Pelajar PPKS, Miri	9.8.18
19	Kursus Bimbingan MS ISO 9001:2015	14.8.18
20	Temuduga Kenaikan Pangkat	14-27.8.18
21	Sesi Pembentangan Anugerah Pengurusan Pelanggan di Imperial Hotel	27.8.2018
22	HR Visit , Limbang	16.8.18
23	Mesyuarat SPANS Siri 8	28.8.18
24	Temuduga Pengambilan	3 – 14.9.18
25	Temuduga Kenaikan Pangkat	18 – 20.9.18
26	Temuduga Biasiswa (Terengganu, Johor, Mukah)	21-23.9.18
27	Temuduga Kenaikan Pangkat	25-27.9.18
28	Temuduga Biasiswa (Kuala Lumpur)	28.9 – 1.10.18

SUMBANGAN AHLI SURUHANJAYA

Setahun Bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak –Bahagian Pertama
Oleh :-YBhg. Datu Abdillah Bin Adam

Setelah bersara pada 17 Ogos 2014, adalah sesuatu yang ditunggu-tunggu untuk mendapat tawaran untuk bekerja semula samada dengan pihak kerajaan atau swasta. Tiga tahun rehat adalah terlalu lama. Walaupun telah dilantik sebagai Ahli Pemegang Amanah (ALPA) Yayasan Guru Malaysia Berhad, Ahli Lembaga Pengarah SEDIDIK Sendirian Berhad, Ahli Penasihat Biro Perkhidmatan Pendidikan Majlis Islam Sarawak, Penasihat JKKK Taman Hussein/Rahmat dan Timbalan Pengerusi Jawatan Kuasa Pengurusan Masjid Darul Husni Warahmah Taman Hussein/Rahmat, masih banyak masa yang terluang dan kadang-kadang membosankan.

Surat Pelantikan Sebagai Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak Bil 37/JKM/USMN/S2/5/500-3/4/1 bertarikh 31 Julai 2017 yang ditandatangani oleh Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi bin Abdul Ghani, Setiausaha Kerajaan Sarawak adalah sesuatu yang amat dinantikan. Setelah berkhidmat lebih dari tiga puluh enam tahun sebagai seorang pendidik di bawah perkhidmatan persekutuan, peluang yang diberi untuk berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Sarawak perlu diterima dengan penuh kesyukuran.

Saya telah melapor diri di pejabat SPANS pada 1 September 2017. Saya lewat melapor diri kerana beberapa komitmen lain yang perlu saya selesaikan. Perjumpaan dengan Datu Abdul Ghafur bin Shariff, Pengerusi SPANS dan Tuan Haji Adana Bin Jed, Setiausaha SPANS pada 5 September 2017 adalah merupakan permulaan tugas di SPANS. Perjumpaan tersebut amat bermakna bagi diri saya. Datu Pengerusi dan Setiausaha telah menerangkan tentang bidang tugas Ahli SPANS dan fungsi SPANS secara umum. Saya telah dinasihatkan untuk membaca beberapa dokumen penting yang telah diserahkan kepada saya dalam perjumpaan tersebut. Dokumen-dokumen tersebut adalah:-

- Public Service Commission Rules, 1996 (SWK.L.N. 14/96)
- The State Public Service General Orders, 1996 (SWK.L.N 1/96)
- The Constitution Of The State of Sarawak (G.N.S. 163/63)
- Federal Constitution (As at 1st March 2017)

Dokumen-dokumen perlu dibaca dan merupakan bahan-bahan rujukan penting bagi Ahli SPANS. Saya telah mengangkat sumpah sebagai Ahli SPANS di hadapan Yang Arif Dato Rhodzariah Bt Bujang, Hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Tinggi 11, Kuching pada 19 November 2017 jam 9 pagi. Dengan angkat sumpah tersebut, sahlah saya menjadi Ahli SPANS sehingga 30 Jun 2019 sepertimana yang tercatat dalam watikah perlantikan tersebut.

Saya ingin berkongsi pengalaman dalam Buletin SPANS keluaran kali ini. Fungsi utama SPANS adalah seperti berikut:-

- Pengambilan (Gred 19 dan ke bawah untuk Perkhidmatan Awam Negeri dan semua gred bagi Pihak Berkuasa Tempatan)
- Kenaikan Pangkat
- Pengesahan dalam perkhidmatan
- Perlanjutan tempoh percubaan
- Pemberian taraf berpencen

- Pemangkuan dan penanggungan kerja
- Tatatertib Kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak
- Biasiswa Pinjaman Kerajaan Negeri Sarawak

Bagi seorang ahli baru sudah tentu banyak perkara yang perlu dipelajari. Bagaimanapun saya yakin Ahli-Ahli SPANS yang telah banyak pengalaman bersama SPANS seperti Datu Abdul Ghafur bin Shariff selaku pengerusi, Datu Romie Sigan Daniel sebagai Timbalan Pengerusi, Dato Hajah Rabiah binti Haji Johari, Datu Robert Lian Balangalibun, Encik Chai Moi Fong dan Dr. Peter Songan sedia membantu dan boleh dirujuk bila-bila masa. Saya berpegang kepada "Never Stop Learning because Life Never Stop Teaching". Setelah setahun bersama SPANS saya dapati dan menyedari bahawa tugas sebagai seorang Ahli adalah amat penting dalam menentukan kualiti pegawai dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak. Skop tugas secara umum adalah seperti berikut:-

- Menghadiri Mesyuarat Bulanan SPANS
- Menghadiri Mesyuarat GMAC (General Advisory Management Committee)
- Menghadiri Mesyuarat Bulanan Jawatankuasa Tatatertib SPANS
- Temuduga Pengambilan Kakitangan Baru
- Temuduga Kenaikan Pangkat
- Temuduga Biasiswa Pinjaman Kerajaan Negeri Sarawak

Sepanjang tempoh setahun saya telah berkesempatan membuat kunjungan hormat bersama Pengerusi dan Ahli-Ahli SPANS kepada Tuan Yang Terutama Yang Di Pertua Negeri Sarawak dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak. Dalam usaha untuk menemuduga calon-calon bagi Kenaikan Pangkat, Pengambilan Staf baru dan Biasiswa Pinjaman Negeri Sarawak (Pelajar) saya telah berada di Pusat Temuduga Sri Aman, Mukah, Sarikei, Sibul, Kapit, Song, Miri, Limbang, Kuala Lumpur, dan Kota Kinabalu selain dari pusat Temuduga Pejabat SPANS, Kuching.

Alhamdulillah banyak perkara yang telah saya pelajari dan alami bila berinteraksi dengan calon-calon yang ditemuduga. Bryant McGill menyatakan "You will be a beautiful persons, as long as you see the beauty in others". Saya sedar bagi pelajar-pelajar yang ditemuduga untuk mendapat Biasiswa Pinjaman Kerajaan Negeri Sarawak adalah di kalangan mereka yang memerlukan bantuan kewangan bagi membiayai pengajian mereka. Bagaimanapun tugas ahli-ahli panel adalah untuk menentukan pelajar-pelajar yang betul-betul layak diberi bantuan. Bagi Pengambilan Kakitangan baru yang hadir temuduga juga adalah terdiri daripada mereka yang memerlukan pekerjaan atau pekerjaan yang lebih baik untuk menyara kehidupan mereka. Ini kerana bekerja dengan kerajaan lebih dapat menjamin kehidupan masa depan mereka.

Bagaimanapun mereka perlu bersaing dan hanya yang terbaik dipilih untuk mengisi kekosongan yang terbatas. Bagi mereka yang ditemuduga untuk kenaikan pangkat, mereka mempunyai harapan yang mengunung untuk dinaikkan pangkat ke gred yang lebih tinggi bagi mendapat kedudukan dan gaji yang lebih baik. Dalam hal ini, Pengerusi dan ahli-ahli SPANS perlu teliti dan berhati-hati bagi memastikan calon yang dipilih untuk kenaikan pangkat adalah terbaik dan tidak dipertikaikan. Kekananan calon tidak semestinya calon itu lebih baik dari yang lebih *junior*. Prestasi semasa temuduga dan laporan Ketua Jabatan juga perlu diambilkira.

Tugas yang paling mencabar dan sentiasa menjadi kenangan dalam tempoh setahun di SPANS adalah Pembantu H11 di Belaga, Kapit dan Song. Setelah mengadakan temuduga pengambilan Pembantu Awam di Hotel NU Bintulu, saya bersama Encik Chai Moi Fong (Pengerusi Panel) dan Cik Nyam Siew Ling (Urusetia) telah bertolak ke Belaga jam tujuh pagi menggunakan Land Cruiser, Jabatan Tanah dan Survei, Bahagian Bintulu. Perjalanan memakan masa hampir enam jam. Kami sampai di Belaga hampir jam satu petang. Perjalanan dari Simpang Empangan Bakun ke Belaga adalah amat mencabar dan bahaya. Kami bergerak melalui bukit yang agak curam, selekoh tajam dan jalan licin, berlubang, dan bertakung air. Kami amat bernasib baik kerana pemandu dari Jabatan Tanah dan Survei yang membawa kami sangat cekap dan sudah biasa dengan permukaan jalan seperti itu.

Di Belaga kami tinggal di Rumah Rehat Kerajaan yang telah ditempah oleh Encik Henry Usat Bit, Pegawai Pendidikan Daerah Belaga. Selepas makan tengahari, kami terus memulakan kerja bagi menemuduga calon pengambilan Pembantu Awam H11 yang telah dipanggil untuk hadir di samping calon-calon "walk-in" yang telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Sambutan bagi calon "walk-in" adalah di luar dugaan sehingga kami terpaksa bekerja sehingga jam sepuluh malam. Di atas kebijaksanaan Encik Chai Moi Fong selaku Pengerusi Panel, kami menemuduga calon-calon yang datang menggunakan perahu terlebih dahulu bagi mengelakkan mereka balik sebelah malam. Cik Nyam Siew Ling telah dapat melaksanakan tugas dengan baik bagi menyusun semula jadual temuduga.

Pengalaman di Belaga amat berguna bagi diri saya kerana calon-calon yang hadir terdiri daripada etnik minoriti yang tinggal di Ulu Sungai Rejang berhampiran dengan Pekan Belaga. Antara etnik tersebut adalah Kejaman, Ukit dan Kajang. Kami amat berpuas hati kerana telah dapat melaksanakan tugas lebih dari apa yang sepatutnya kami lakukan. Pada 22 November 2017, kami telah bertolak jam lapan pagi menaiki bot ekpress ke Kapit. Kami telah dimaklumkan oleh penduduk tempatan yang sering menggunakan bot ekpress bahawa paras air di Sungai Rejang adalah cukup baik dan di sepanjang Jeram Pelagus tidak begitu bahaya untuk dilalui. Kami juga difahamkan juragan bot ekpress tersebut cukup berpengalaman dan pandai mengemudi bot dalam situasi yang amat bahaya. Kesilapan juragan boleh mengundang bencana jika bot terlanggar batu akibat air mengalir terlalu deras ketika melalui Jeram Pelagus. Perjalanan melalui jeram sekitar setengah jam saja, selepas itu air Sungai Rejang ke Kapit tidak begitu bahaya lagi kecuali terdapat sampah sarap dan batang-batang kayu yang terapung di permukaan air.

Kami sampai di Kapit jam satu petang dan berasa agak keletihan. Mujur kami dapat berehat sebelah petang kerana temuduga hanya dijalankan keesokan harinya. Di sebelah malam kami telah dijemput Cikgu Jarraw, seorang guru pesara untuk makan malam di sebuah restoran. Kami berkesempatan merasa masakan masyarakat tempatan dan ikan air tawar yang cukup terkenal di Kapit seperti semah, tengadak dan sayuran tempatan yang sungguh menyelerakan. Kami amat berterima kasih dengan Cikgu Jarraw.

Pada 23 November 2017, temuduga bagi seramai dua puluh sembilan orang calon telah diadakan di Hotel Mahligai Kapit. Hanya enam belas orang calon saja yang hadir. Di sebelah petang, Datu Abdul Ghafur bin Shariff, Pengerusi SPANS bersama Tuan Haji Adana bin Hj Jed telah datang ke Kapit untuk lawatan kerja ke Pejabat Residen Kapit dengan menggunakan bot laju Jabatan Hutan dari Sibu. Pada 24 November 2017, Ahli-ahli Panel C dan urusetia telah memilih untuk menggunakan jalan darat ke Song dan dari Song ke Sibu kami akan menggunakan bot laju yang dinaiki oleh Datu Pengerusi. Cikgu Jarraw sekali lagi membantu kami dengan menggunakan kereta Hilux yang dianggap paling sesuai untuk jalan dari Kapit ke Song yang masih dalam proses pembinaan. Kami telah dimaklumkan keadaan jalan yang berbahaya kerana ada di beberapa tempat jalan licin dan berlumpur disebabkan hujan telah turun dengan lebat pada malam itu.

Kami mengambil risiko dan dengan pengalaman Cikgu Jarraw kami yakin, kami boleh sampai dengan selamat. Kami sampai di Song jam sembilan pagi setelah melalui jalan yang berombak, tanah becak, berlubang dan bertakung air. Kadang-kadang kami terasa kenderaan kami terbabas dan tersangkut dalam tanah kuning yang berlumpur. Bagi Cikgu Jarraw, keadaan jalan seumpama itu memang sudah menjadi asam garam kehidupan mereka di pedalaman. Kami sampai di Song jam sembilan dengan selamat dan merasa amat lega kerana hasrat kami menggunakan jalan darat dari Kapit ke Song telah tercapai. Hanya terdapat sembilan orang calon di Song, tiga daripada mereka tidak hadir. Pegawai Daerah Song telah memberi kerjasama yang sepenuhnya bagi memudahkan kami menjalankan temuduga.

Selepas makan tengahari, kami telah bergerak dari Song ke Sibu menumpang bot laju Jabatan Hutan yang digunakan oleh Pengerusi dan Setiausaha SPANS. Perjalanan ke Sibu juga agak bahaya kerana permukaan air Sungai Rejang yang seperti air teh susu banyak sampah sarap dan batang kayu yang hanyut mengikut arus air. Pemandu bot juga berpengalaman mengawal keadaan semasa dalam perjalanan kami. Selepas lebih dari satu jam, kami sampai di Wharf Sibu pada jam 2.15 petang.

Dengan kebenaran Datu Pengerusi SPANS, saya telah membuat keputusan untuk menumpang Land Cruiser Jabatan Hutan untuk balik ke Kuching. Walau pun ada tiket kapal terbang. Saya berbuat demikian kerana ingin melihat sendiri pelaksanaan pembinaan Jalan Pan Borneo yang sering diperkatakan. Perjalanan yang memakan masa lebih dari enam jam dari Sibu ke Kuching juga agak memenatkan. Saya sampai di Kuching hampir jam lapan malam dengan rasa kepuasan kerana telah dapat melalui jalan Pan Borneo yang akan memacu pembangunan Negeri Sarawak. (Bersambung dalam keluaran akan datang)

AKTIVITI KELAB

Majlis Gawai/Raya SPANS 2018
4 Julai 2018



“EDUCATION
IS THE MOST
POWERFUL
WEAPON
WHICH YOU
CAN USE TO
CHANGE THE
WORLD.”
NELSON MANDELA

MOTIVASI DIRI



LENSA

Bengkel Scorecard SPANS
12-13 Julai 2018



Lawatan Pelajar PPKS Miri
9 Ogos 2018



Sekalung tahniah kepada YBhg Datu Abdullah Bin Adam di atas Anugerah Tokoh Kepimpinan Pendidikan 2018 sempena Hari Guru Peringkat Negeri ke-47 di Betong



Lawatan Pengurusan Giat Mara Kuching 7 Ogos 2018



Lawatan ke Dewan Undangan Negeri Johor



Sekitar Lawatan Kerja ke SPA, Johor dan Mesyuarat GMAC Siri 2/ 2018 24 – 27 Julai 2018



Lawatan ke Forest City, Johor



**Sesi Bergambar Bersama Ahli-Ahli Suruhanjaya
Perkhidmatan Awam Negeri Johor**



**Penyerahan cenderamata kepada
Y.B. Dato' Haji Marsan Bin Kassim
Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor**



*Sesi Temuduga Biasiswa BPKNS –
Terengganu*



*Panel Temuduga Biasiswa BPKNS-
Kuala Lumpur*



*An Honour to Serve – Urusetia Biasiswa yang
bertugas Sabtu dan Ahad bagi temuduga
penajaan BPKNS Sesi 2018/2019.*



*Kind & Caring – kerusi roda yang disediakan
SPANS kepada calon yang menghadiri sesi
temuduga*



*Sesi Pembentangan Anugerah Pengurusan Pelanggan
Bertempat di Hotel Imperial
27 Ogos 2018*